

Jumlah pesakit masuk wad bertambah

Kadar kematian naik 61.5 peratus pada minggu epidemiologi ke-28 tahun ini

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam negara ini, dikesan me-

ningkat sebanyak 18.3 peratus bagi setiap 100,000 penduduk, pada minggu epidemiologi ke-29 tahun ini (ME29/2022).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dalam tempoh sama, bilangan kematian menunjukkan peningkatan sebanyak 61.5 peratus iaitu 63 kes daripada 39 kes dalam ME28/2022.

Beliau berkata, pesakit kategori satu dan dua meningkat sebanyak 12.5 peratus, manakala pesakit kategori tiga, empat dan lima pula, meningkat sebanyak 25 peratus.

“Dari 25 Januari 2020 hingga 23 Julai 2022, kumulatif kes baharu 4,648,931, dan kumulatif kes sembuh sebanyak 4,563,474 kes.

15 kluster aktif

“Kumulatif kes kematian sebanyak 35,911 kes dan kumulatif kluster sebanyak 7,030 kluster dengan kluster aktif sebanyak 15,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, bilangan kes sembuh pada ME 29/2022 meningkat sebanyak 18.9 peratus iaitu daripada 19,138 kes kepada 22,757 kes.

Katanya, bilangan kes baharu pada ME 29/2022 meningkat sebanyak 13.5 peratus iaitu daripada 26,335 kes kepada 29,886 kes.

“Bilangan kes tempatan meningkat sebanyak 13.5 peratus daripada 26,317 kes kepada 29,858 kes dan bilangan kes import menurun sebanyak 26.3 peratus daripada 38 kes kepada 28 kes.

“Manakala purata kes aktif setiap hari bagi ME 29/2022 adalah 45,542 dengan terdapat peningkatan sebanyak 19.5 peratus berbanding minggu sebelumnya,” katanya.

“Pesakit kategori tiga, empat dan lima, meningkat sebanyak 25 peratus”

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

